

**PM harap krisis istana K'tan diselesai secara keluarga**  
**Malaysiakini.com**  
**May 7, 2010**

Datuk Seri Najib Tun Razak berharap krisis istana Kelantan yang dilihat kian meruncing itu dapat diselesaikan dalam konteks kekeluargaan.

Perdana menteri berkata krisis itu tidak perlu menjadi pertikaian secara terbuka sehingga timbul tuduh-menuduh atau berlakunya tindakan dari segi undang-undang di kalangan kerabat diraja terbabit.

"Saya harap keadaan itu dapat diselesaikan dalam keluarga diraja, itu yang paling baik sekali daripada perkara ini menjadi pertikaian secara terbuka, tuduh-menuduh atau mengambil apa tindakan dari segi undang-undang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat serentak cawangan-cawangan Umno Bahagian Pekan hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas krisis istana Kelantan yang berlarutan sekian lama dan terbaru isu rawatan kesihatan Sultan Kelantan Tuanku Ismail Petra yang dimasukkan ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, Kelantan sejak Selasa lepas.

Najib berkata perkara berkaitan rawatan Sultan Kelantan sepatutnya dirundingkan secara "anak-beranak".

"Perkara ini sepatutnya dapat dirundingkan antara anak beranak. Itu yang terbaik dan apa pun mesti meletakkan kepentingan kesihatan Sultan Kelantan sebagai pertimbangan utama," katanya.

Ditanya sama kerajaan pusat akan campur tangan, Najib berkata perkara itu adalah masalah yang melibatkan kerajaan negeri serta istana Kelantan dan kerajaan persekutuan tidak akan campur tangan.

Mengulas isu remaja berumur 15 tahun, Aminulrasyid Amzah yang mati akibat terkena tembakan polis, Najib berkata beliau telah meminta siasatan kes itu dibuat secara adil dan tepat.

"Saya percaya ianya akan diselesaikan secepat mungkin dan pihak polis dan peguam negara akan ambil apa-apa keputusan sewajarnya berdasarkan hasil siasatan dan perkara sebenarnya," katanya.

Mengenai kes itu menjadi medan beberapa penulis blog mempolitikkan kes berkenaan, Najib berkata: "Mereka cuba cari kesempatan untuk menanggung di air keruh, (sedangkan kerajaan) nak cari kebenaran untuk keluarga dan pihak polis".

Aminulrasyid, meninggal dunia selepas terkena tembakan polis yang mengejar kereta yang dipandunya di Seksyen 11, Shah Alam, Selangor pada awal pagi, 26 April lepas.

- Bernama